

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
(SEGAMBUT)**

**TARIKH : 11 OGOS 2020 ( SELASA )**

**SOALAN**

**PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [ SEGAMBUT ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan untuk memberikan kewarganegaraan kepada anak-anak yang dilahirkan diluar negara oleh wanita warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki warganegara asing dan berapa jumlah permohonan sebegini yang telah diterima, diluluskan dan ditolak sejak tahun 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Pemerolehan kewarganegaraan Malaysia bagi individu berumur bawah 21 tahun yang dilahirkan di luar negara kepada ibu bertaraf warganegara Malaysia dengan bapa bertaraf Bukan Warganegara adalah secara pendaftaran di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, pertimbangan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan turut mengambil kira dasar Kerajaan yang tidak mengiktiraf dwi-kewarganegaraan.